

11/01/2005

Siswa pewaris semangat Malaysia Boleh

By Mohd Yahya Mohamed Ariffin

SEMANGAT Malaysia Boleh yang dicetuskan Tun Dr Mahathir Mohamad banyak mendorong rakyat Malaysia mencipta nama dan melakukan perkara baru yang menaikkan nama dan imej negara di persada antarabangsa.

Rakyat Malaysia terus mengingati kejayaan penakluk Gunung Everest, M Magendran dan N Mohandas; ahli pelayaran Datuk Azhar Mansor serta perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Mydin yang menjadi kebanggaan negara dan rakyat Malaysia.

Kita kagum dengan keupayaan dan semangat Azhar yang luar biasa mengelilingi dunia secara solo hanya menggunakan kapal layar. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan sepanjang pelayaran, termasuk patah tiang layar, beliau berjaya mencapai matlamat. Keupayaan itu membolehkannya dinobatkan sebagai orang pertama di dunia melakukan pelayaran seumpama itu.

Kita juga harus berbangga dengan semangat juang tinggi Abdul Malik yang berjaya menjadi rakyat Malaysia pertama berenang menyeberangi Selat Inggeris pada 2003, walaupun suatu ketika hampir berputus asa akibat rintangan ombak dan angin kuat.

Baru-baru ini, seorang pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, berjaya dalam ekspedisi solonya merentasi Antartika sejauh 1,100 kilometer. Kejayaan itu menjadikannya wanita Asia pertama merentasi Antartika secara solo.

Kejayaan demi kejayaan rakyat Malaysia tidak terhenti di situ saja kerana semangat Malaysia Boleh turut disahut oleh mahasiswa universiti tempatan yang mahu menyumbang dalam mengharumkan nama negara.

Misalnya, Magendran, mahasiswa Sains Sukan Universiti Malaya (UM), seorang peserta ekspedisi menawan puncak Gunung Everest adalah orang pertama Malaysia sampai ke puncak tertinggi dunia itu pada 23 Mei 1997.

Kejayaan kumpulan yang 19 orang itu dirakamkan dalam Malaysia Book of Records (MBOR). Kumpulan itu diketuai Mohd Fauzan Hassan, seorang lagi pelajar Sains Sukan UM.

Kejayaan itu diulangi pada tahun ini oleh dua mahasiswa UiTM, Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali yang berjaya menawan puncak gunung itu. Dengan semangat orang muda yang berkobar-kobar serta sokongan moral dan material oleh pelbagai pihak, akhirnya mereka berjaya melakukannya.

Pada 2001, sekumpulan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berjaya merentang jalur gemilang terpanjang, bukan di negara ini tetapi di Tembok Besar China. Usaha yang mengagumkan itu turut disertai Menteri Belia dan Sukan ketika itu, Datuk Seri Hishammuddin Hussein. Kejayaan itu juga dicatatkan di dalam MBOR.

Terbaru, sekumpulan enam mahasiswa dan seorang pegawai sukan UM mencipta nama apabila menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya dalam ekspedisi kayak mengharungi selat terpanjang di dunia dari Kuala Perlis ke Pantai Lido, Johor Bahru sejauh 902 kilometer. Mereka mengambil masa 16 hari dari 11 hingga 26 Oktober lalu menggunakan kayak laut single seater.

Mereka ialah Amir Kamaruzaman Ab Wahab, Mohammad Iqram Amzirin, Mohd Najhan Rahmat, Muhamad Zawani Zainal, Neshavamani Chelladuraidan dan seorang pelajar perempuan, Rizan Aminudin.

Di bawah pimpinan Pegawai Sukan UM, Samari Senang, mereka berlatih selama dua bulan untuk menyahut cabaran itu. Sepanjang ekspedisi, mereka terpaksa menghadapi pelbagai rintangan termasuk mengharungi ombak laut

selama enam jam, ribut selain 14 jam menongkah arus Selat Melaka.

Kegiatan berkayak bukan mudah untuk dilakukan kerana memerlukan kekuatan stamina, fizikal, mental, keberanian serta daya tahan yang tinggi untuk mengharungi rintangan air.

Usaha gigih itu tidak sia-sia apabila kejayaan mereka diiktiraf dalam MBOR. Majlis penganugerahan sijil itu disampaikan oleh wakil MBOR, Sujathanairy kepada Naib Canselor UM, Datuk Profesor Dr Hashim Yaacob, baru-baru ini.

Dr Hashim berkata, kejayaan itu membuktikan mahasiswa boleh menjadi orang yang kuat dan tabah dalam mengharungi cabaran dan ini yang menjadi kekuatan kepada mereka.

"Yang penting ialah kalau kita sudah boleh merentasi laut yang panjang, tentu kita boleh menjadi orang yang kuat dan tabah kerana kedua-dua faktor ini adalah kekuatan kita," katanya.

Dalam perkembangan lain, Samari berkata pada 2005 mereka merancang mengadakan ekspedisi berkayak dari Tumpat, Kelantan ke Johor Bahru bagi melengkapkan laluan sepanjang pantai Semenanjung yang bakal disertai lebih ramai mahasiswa UM.

Walaupun mahasiswa sibuk dengan pembelajaran di bilik kuliah, tutorial, melakukan penyelidikan di makmal, menyelesaikan tugas serta mengulang kaji bagi menghadapi peperiksaan, masih ada di kalangan mereka yang sanggup mengorbankan masa dan mengerah keringat untuk menyertai kegiatan kokurikulum seperti sukan, kebudayaan, berpersatuan atau pasukan latihan pegawai simpanan (Palapes).

Tanggapan mengatakan bakat pelajar yang cemerlang dalam akademik dan sukan serta kokurikulum lain di sekolah akan berkubur apabila berada di menara gading adalah tidak tepat. Ramai ahli sukan negara aktif ketika di universiti lagi.

Sebagai contoh, ratu boling negara, Shalin Zulkifli aktif ketika menuntut di UM; orang besi Malaysia dalam acara dekatlon, Mohd Malik Ahmad Tobias (Universiti Putra Malaysia) dan pemain bola sepak negara, Mohd Harris Safuan (UM) masih terus aktif sama ada pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Baru-baru ini, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Salleh, berkata pembabitan pelajar dalam kokurikulum turut diambil kira dalam pengambilan pelajar universiti mulai tahun depan. Beliau juga bersetuju pembabitan dalam kegiatan sukan di universiti diberi jam kredit kepada mahasiswa yang aktif.

Jaminan seumpama itu akan mendorong mahasiswa untuk terus cergas dalam kokurikulum tanpa mengabaikan tanggungjawab utama mereka, iaitu menimba ilmu pengetahuan.

Penulis adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya
(END)